

PENGHASILAN SERUNDING KUBIS SEMASA PANDEMIK COVID-19 TERHADAP PEMBANGUNAN USAHAWAN WANITA PERINTIS

THE PRODUCTION OF CABBAGE FLOSS DURING THE COVID19 PANDEMIC TOWARDS THE PIONEER WOMENS ENTREPRENEUR

Jurry Foo^{1*}
Ubong Imang²
Jalihah Md Shah³
Mohd Sohaimi Esa⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jurryfm@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: ubong@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jalihah@ums.edu.my)

⁴Pusat Penataran Imu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: msohaimi@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021

Revised date : 16-08-2021

Accepted date : 30-09-2021

Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Foo, J., Imang, U., Shah, J. M., & Esa, M. S. (2021).
Penghasilan Serunding Kubis Semasa Pandemik Covid-19 Terhadap Pembangunan Usahawan Wanita Perintis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 122 - 131.

Abstrak: Serunding Kubis adalah produk inovasi yang dihasilkan semasa pandemik COVID-19 sebagai alternatif mengoptimalkan kearifan tempatan dalam menguruskan sumber pertanian yang mengalami masalah lambakan kerana tidak terjual. Penghasilan produk ini diilhamkan oleh penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) kemudian diproses oleh komuniti perintis. Artikel ini akan membincangkan pembangunan usahawan wanita perintis melalui penglibatan dalam penghasilan serunding Kubis. Kajian kes dalam kalangan komuniti rintis ini melibatkan pengumpulan data melalui kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian ikut serta terhadap lima orang usahawan wanita yang terlibat secara aktif. Manakala hasil kajian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa penghasilan serunding Kubis telah menyumbang kepada pemeraksanaan usahawan wanita perintis, iaitu dari aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik.

Kata Kunci: Serunding Kubis, Pembangunan Wanita, COVID-19, Sosial, Ekonomi, Psikologi, Politik

Abstract: Serunding Kubis is an innovative product produced during the COVID-19 pandemic as an alternative in optimizing local wisdom in managing the declined unsold agricultural resources. The production of this product was inspired by researchers from Universiti Malaysia Sabah (UMS) and produced by the pioneer community. This article will discuss the development of pioneer women entrepreneurs through their involvement in the production of

Cabbage floss. A case study among the pioneer community involves data collection through in-depth interviews and participatory observation on five women entrepreneurs who are actively involved in this program. While the results of the study were analysed descriptively. Study found that the production of Cabbage floss has contributed to the empowerment of the pioneer women entrepreneur in the aspect of economic, psychological, social and political

Keywords: *Serunding Kubis, Women's Development, COVI-19, Social, Economic, Psychological, Political.*

Pengenalan

Pembangunan komuniti adalah satu daripada agenda penting dalam mencapai agenda Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (Sustainable Development Goals-SDG 2030). Usaha tersebut melibatkan peningkatan keupayaan komuniti secara menyeluruh agar semua pihak dapat sama-sama tanpa ketinggalan menjalankan tanggungjawab mencapai kesejahteraan hidup dan kelangsungan sumber. Artikel ini membincangkan manfaat penglibatan komuniti dalam penghasilan serunding kubis semasa menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP 1.0) untuk mengekang penularan COVID-19 yang menyumbang kepada pemerkasaan komuniti yang terlibat dari aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik. Serunding kubis ialah produk makanan yang telah diilhamkan melalui penyelidikan SGI0111 Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai cadangan untuk menguruskan sumber pertanian khususnya sayur Kubis (*Brassica sp.*).


Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan penutupan dan sekatan sepenuhnya terhadap hampir semua aktiviti di seluruh Malaysia (Jabil et al., 2020). Semasa PKP1.0 berlangsung, peniaga sayur di Ranau, khususnya Kundasang, Sabah berhadapan dengan kerugian yang menjejaskan pendapatan akibat kegagalan menjual hasil pertanian dan menyebabkan 90 peratus peniaga di kawasan tersebut terpaksa menutup perniagaan (Sabah Post, 2020; Yun Mikail, 2020; Suzana, 2020; Jury et al. 2021). Rentetan daripada itu komuniti yang terjejas telah meminta pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberikan sumbang saran untuk menguruskan hasil pertanian yang mengalami lambakan. Serunding Kubis adalah satu daripada produk makanan yang dicadangkan oleh UMS untuk memproses sayuran tersebut, di samping proses pengawetan sayuran (Sayur masin iaitu *Hamchoi* Kubis dan jeruk kubis bulat yang dihasilkan secara tradisional yang disebut sebagai *Bosou*). Namun idea ini telah diterima baik oleh golongan wanita dari serata negara, lalu akhirnya menjadi produk makanan yang dipasarkan secara serius oleh lima orang pengusaha wanita perintis produk serunding kubis dari Sabah dengan jenama masing-masing.

Inovasi makanan berupa serunding kubis ini bukan sahaja menjadi alternatif mengoptimumkan kearifan tempatan dalam menguruskan sumber pertanian yang mengalami masalah lambakan kerana tidak terjual, namun turut memberikan manfaat kepada komuniti terlibat. Inisiatif cetusan idea penyelidik UMS dan direalisasikan oleh kumpulan komuniti perintis dalam kalangan wanita ini selaras dengan tanggungjawab universiti sebagai penyedia penyelesaian kepada komuniti dalam memartabatkan agenda pembangunan lestari (R Badlishah dan Norshah, 2020).

Sorotan Literatur

Konsep Pembangunan Komuniti dan keperkasaan wanita

Pembangunan komuniti ialah usaha dalam peningkatan taraf hidup, mencapai kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup komuniti setempat (Ahmad Shukri, 2015). Pembangunan komuniti juga melibatkan peningkatan komunikasi termasuk perubahan sikap dan penggunaan teknologi yang memerlukan Pendidikan (Mohd Yusof et al., 2011; Nor Azira Ayob, Sity Daud dan Muhamad Takiyuddin, 2016). Komunikasi tersebut termasuk elemen kemahiran bercakap, berunding, berpakat dan mempengaruhi. Ini penting agar suara komuniti benar-benar dapat disampaikan dengan berkesan. Keperkasaan komuniti pula berkaitan dengan keupayaan dalam aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik adalah satu daripada pemboleh ubah dalam pembangunan komuniti (Kalsom dan Nor Ashikin, 2006).



Rajah 1: Pemboleh Ubah Keperkasaan Melalui Penyertaan Dalam Pembangunan Komuniti

Sumber: Diadaptasi daripada Kalsom dan Nor Ashikin (2006)

Kajian tentang pembangunan komuniti banyak dilakukan atas kepekaan masyarakat mengenai kepentingan memahami proses pembangunan lestari. Selaras dengan matlamat SDG 2030 yang menekankan penyertaan semua pihak dalam proses pembangunan, kajian pembangunan komuniti yang fokus kepada gender telah banyak dilakukan. Namun keistimewaan kajian ini ialah pemerkasaan wanita dalam pembangunan khususnya dalam mengambil inisiatif terlibat dalam inovasi pembangunan produk dan pembangunan pasaran dalam menyelesaikan masalah semasa pandemik COVID19. Kejayaan menguruskan sumber semasa pandemik membuktikan keupayaan golongan wanita menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran fizikal dan sosial untuk kelangsungan hidup (Jurry, 2021). Ini juga merupakan petanda bahawa wanita mampu memainkan peranan dalam mencapai matlamat pembangunan lestari.

Tanggungjawab wanita dalam pembangunan ekonomi di Malaysia semakin ketara dengan peningkatan bilangan penglibatan wanita yang dilihat daripada rekod Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) yang semakin meningkat daripada 45.5% kepada 53.5% pada tahun 2017 berbanding tahun 2010 (Jamaliah, 2020). Satu daripada contoh kajian yang terkini berkaitan usahawan wanita di Sabah ialah tentang pembangunan ekonomi pengusaha kuih lidah oleh komuniti di Kg Berundong, Sabah melalui projek Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi khususnya pendapatan. Namun kajian ini mendapati matlamat menyediakan peluang pekerjaan kepada ahli komuniti melalui program ini gagal kerana pembangunan ekonomi dan penggunaan mesin hanya meningkatkan

pengeluaran tetapi menyebabkan komuniti kehilangan pendapatan kerana tugas mereka diambil alih oleh mesin (Nur Shalinda dan Ubong, 2021).

Kajian yang dilakukan oleh Nadia dan Norasmah (2020) dalam kalangan usahawan luar bandar mendapati bahawa wanita telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara, di mana kemahiran keusahawanan dan kemahiran sendiri didapati menyumbang kepada prestasi, daya saing dan kekuatan usahawan wanita luar bandar. Kajian tersebut merumuskan bahawa pengusaha wanita luar bandar berupaya mengurus sumber dan menggabungkan idea-idea baru untuk menghasilkan suatu produk baru, menggunakan teknologi terkini dalam memasarkan produk dan berupaya menyelesaikan masalah perniagaan.

Nor Azira Sity Daud dan Muhamad Takiyuddin (2016) mendapati bahawa walaupun wanita seringkali dilihat sebagai golongan yang kurang berpotensi untuk mencapai kejayaan dalam bidang usahawan berbanding golongan lelaki, namun hasil kajian yang dilakukan dalam kalangan pengusaha wanita yang berdaftar dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di negeri Melaka menunjukkan bahawa empat faktor yang membentuk modal insan dalam diri usahawan wanita ialah aspek pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, sokongan sosial dan kreativiti. Manakala dari segi daya saing, bantuan kewangan, iltizam perniagaan, prasarana dan infrastruktur menjadi faktor penting. Dari segi faktor kejayaan pula didapati faktor prasarana, pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan kreativiti menjadi penentu. Ini menunjukkan bahawa kaum wanita boleh berjaya dengan suntikan galakan. Ini juga berlaku dalam kalangan pengusaha makanan tradisi dan kraftangan yang terjejas dari segi perjalanan aktiviti dan pendapatan semasa PKP di Sabah, di mana Harifah et. al., (2020) dan Aida et. al., (2020) mendapati bahawa terdapatnya suntikan dalaman dan luaran seperti bantuan yang diberikan oleh pelbagai pihak kepada usahawan menjadi antara faktor kelangsungan kegiatan perusahaan tersebut.

Contoh kajian berkaitan pembangunan wanita melalui penglibatan dalam keusahawanan tersebut menunjukkan bahawa wanita mempunyai potensi dalam menyumbang kepada pembangunan menyeluruh. Keupayaan wanita menjadi penggerak kepada pembangunan komuniti juga boleh dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Manakala secara keseluruhan didapati bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan memberikan manfaat kepada wanita sendiri khususnya dari segi pemerksaan wanita sebagai ahli dalam sesebuah komuniti. Jika ini tidak diambil kira, pembangunan wanita akan terjejas seperti yang berlaku dalam kajian Nur Shalinda dan Ubong (2021) apabila pembangunan ekonomi dan mesin berlaku, wanita yang tidak mempunyai keupayaan berikhtiar akan terjejas dari segi sosioekonomi kerana kekurangan daya saing.

Kaedah Kajian

Kriteria pembangunan komuniti yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada pemboleh ubah yang digunakan oleh Kalsom dan Nor Ashikin (2006) iaitu pemboleh ubah keperksaan meliputi peningkatan keupayaan dalam aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik. Ini kerana kajian tersebut sesuai dengan skop kajian pembangunan komuniti yang bertemakan keperksaan iaitu merangkumi keupayaan memanfaatkan faedah, mengawal proses membuat keputusan dan bentuk penglibatan. Kajian kes ini dilakukan dengan mendapatkan maklumat melalui kaedah temu bual dan pemerhatian ikut serta terhadap lima orang usahawan wanita yang terlibat secara aktif. Manakala maklumat yang dikumpul dianalisis secara deskriptif. Maklumat yang dikumpul adalah berdasarkan pengalaman informan meliputi proses penglibatan dalam inovasi serunding kubis semasa menghadapi pandemik COVID-19 sehingga

menikmati kesan daripada penglibatan mereka. Bagi memudahkan analisis data, setiap informan iaitu pengusaha serunding kubis yang dipilih secara persampelan bertujuan dirujuk sebagai Informan 1, Informan 2, Informan 3, Informan 4 dan Informan 5 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Informan

ID informan	Jenama produk	Lokasi	Umur
Informan 1	Serunding Kubis RH	Ranau	46
Informan 2	Serunding Kubis Dapur Ida	Tenom	49
Informan 3	Serunding Kubis Sabah	Keningau	38
Informan 4	Serunding Kubis Kundasang	Kundasang	33
Informan 5	Serunding Kubis Umi Irsa	Kota Kinabalu	44

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pengusaha rintis

Kajian ini melibatkan lima orang informan yang menyertai inovasi penghasilan serunding kubis secara sukarela sejak arahan PKP1.0 (rujuk Jadual 1) dengan merealisasikan idea memproses hasil pertanian kepada makanan berasaskan sayur kubis (*Brassica sp.*) yang dikemukakan oleh penyelidik UMS semasa menghadapi pandemik COVID19 (Jurry, 2021). Informan terdiri daripada wanita pengusaha rintis serunding kubis seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 iaitu Informan 1 pengusaha Serunding Kubis RH yang berlokasi di Ranau, Informan 2 yang menghasilkan Serunding Kubis dapur Ida, Informan 3 pengusaha Serunding Kubis Sabah, Informan 4 pemilik jenama Serunding Kubis Kundasang dan Informan 5 sebagai pengusaha Serunding Kubis Umi Irsa.

Operasi penghasilan produk dan pemasaran serunding kubis dijalankan di daerah tempat tinggal para pengusaha tersebut termasuk Ranau, Tenom, Keningau, Kundasang dan Kota Kinabalu. Namun ia tidak tertakluk kepada pemasaran dalam daerah sahaja tetapi turut dijual di luar daerah melalui pelbagai platform manual dan digital. Dari segi umur pula hasil kajian mendapati bahawa penghasilan dan pemasaran produk serunding kubis mendapat keterlibatan golongan wanita dalam lingkungan umur 33 hingga 49 tahun iaitu daripada dua generasi umur bawah 40 tahun dan atas 40 tahun. Taburan umur ini menunjukkan minat terhadap penghasilan produk baharu dalam pelbagai peringkat umur.

Keperkasaan pengusaha rintis

Hasil kajian mendapati bahawa penghasilan serunding kubis telah menyumbang kepada keperkasaan komuniti iaitu berkaitan keupayaan dalam aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik. Ini telah meningkatkan kualiti kehidupan golongan wanita pengusaha perintis yang terlibat dalam penghasilan dan pemasaran serunding kubis.

Keperkasaan ekonomi

Keperkasaan ekonomi dilihat apabila wanita pengusaha perintis serunding kubis berjaya mewujudkan perniagaan, membuka peluang pekerjaan dan sumber pendapatan sampingan dan meningkatkan kuasa beli. Kelima-lima pengusaha rintis telah berjaya menjadikan serunding

kubis sebagai produk perniagaan atas jenama masing-masing iaitu Serunding Kubis RH, Serunding Kubis Dapur Ida, Serunding Kubis Kundasang, Serunding Kubis Sabah dan Serunding Kubis Umi Irsa (Jurry et al. 2021a). Hal ini didorong oleh permintaan pengguna terhadap produk serunding kubis dan kerana potensi produk ini sebagai makanan yang mempunyai harga mampu milik. Sebungkus serunding kubis dijual dalam lingkungan RM5.00 hingga RM7.50 bagi bungkusan kecil, manakala bagi bungkusan besar berharga RM10.00 hingga RM15.50 bergantung kepada perisa dan jenama pilihan pengguna. Misalnya Serunding Kubis RH dijual pada harga RM7.00 untuk 60g dan RM13.00 untuk 120g (Kristy, 2021). Walau bagaimanapun harga mungkin lebih tinggi jika pembelian dilakukan daripada orang ketiga mahupun kesan daripada caj penghantaran.

Pewujudan peluang perniagaan melalui pemasaran serunding kubis mencipta pula peluang pekerjaan dan sumber pendapatan sampingan. Misalnya Informan 1 yang merupakan pengusaha tadika dan taska yang terpaksa memberhentikan seketika operasi perkhidmatan tersebut semasa tempoh PKP, namun telah mengambil peluang menghasilkan serunding kubis sebagai sumber pendapatan sampingan. Malahan penglibatan beliau turut membuka peluang kepada golongan wanita B40 di kampung beliau untuk memperolehi punca pendapatan sebagai pembantu dapur. Kumpulan wanita tersebut mendapat upah RM30 untuk setiap kali kerja memproses serunding kubis. Manakala Informan 2, 3, 4 dan 5 pula menjalankan perniagaan serunding kubis dalam skala rumah sebagai sumber pendapatan sampingan sebagai satu daripada produk makanan dijual melalui syarikat milik mereka. Walaupun operasi pengeluaran produk ini dilakukan dalam skala rumah, namun pasarannya meluas kerana turut dijual melangkaui pasaran dalam negeri.

Penglibatan wanita dalam pasaran serunding kubis adalah satu cara yang dapat meningkatkan kuasa beli isi rumah. Maksudnya dengan melibatkan diri dalam pemprosesan dan pemasaran serunding kubis, untung yang diperolehi mampu memenuhi keperluan harian keluarga dan meningkatkan keupayaan pengusaha membeli peralatan seperti mesin pengering yang lebih besar dan membina dapur yang lebih luas. Malahan skala pengeluaran produk serunding kubis juga dapat diperbesarkan daripada 5 Kg kepada 20 Kg dan lebih dengan perkembangan modal dalam sekali proses.



Rajah 2: Mesin Pengering

Keperkasaan psikologi

Keyakinan diri pengusaha terbentuk melalui pengiktirafan produk serunding kubis daripada pengguna, pihak kerajaan dan pihak berkepentingan lain termasuk pemilik kedai dan pasaraya serta penilai produk inovasi. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Sabah telah memberikan komen positif mengenai produk ini dan menyatakan bahawa produk ini mempunyai rasa yang enak dan berpotensi untuk dipasarkan. Rentetan daripada itu FAMA Kota Kinabalu mempelawa pengusaha untuk menghantar bekalan serunding kubis untuk dijual di koperasi FAMA. Malah keprihatinan Jabatan Pertanian Daerah Ranau, Sabah terhadap satu daripada jenama serunding kubis ini menjadikan pengusaha semakin bersemangat untuk berkembang. Pemilik pasararaya terkenal di Sabah iaitu *Bataras Hypermarket & Superstore* juga telah memberikan laluan kepada satu daripada jenama serunding kubis ini untuk dijual dalam rangkaian perniagaannya.

Permintaan yang konsisten daripada pelanggan sama ada secara konvensional atau melalui platform dalam talian menjadi motivasi kepada pengusaha. Di samping itu bimbingan berterusan bersama penyelidik UMS dan perkongsian pencapaian kejayaan pengusaha dan penyelidik yang dikongsikan dalam '*support group system*' telah menjadi inspirasi untuk mengembangkan perniagaan masing-masing. Berbekalkan semangat ini, Informan 3 telah berjaya mendapat bantuan dana mengembangkan perniagaan serunding kubis daripada pihak RISDA, manakala Informan 1 berjaya memperolehi pembiayaan latihan pemasaran menerusi program *Pitch Borneo 2021* peringkat pedalaman. Ini menunjukkan bahawa keperkasaan aspek psikologi dari segi keyakinan, motivasi dan inspirasi sangat penting dalam pembangunan komuniti.

Keperkasaan sosial

Keterlibatan wanita dalam pasaran serunding kubis mengubah peranan sosial wanita sebagai pemilik syarikat dan pemain industri yang mampu membuat perubahan kepada bentuk pasaran produk makanan ini. Tanggungjawab pengusaha pada masa kini adalah lebih kepada pemantapan kualiti produk, pemasaran dan promosi atas keputusan sendiri. Peranan dalam keluarga juga mengalami perubahan melalui penglibatan wanita sebagai pengusaha serunding kubis. Selain menjadi seorang isteri dan ibu, wanita pengusaha juga berperanan sebagai wanita bekerja dalam bidang perniagaan yang mampu menjana pendapatan keluarga.

Peningkatan pengetahuan dan kemahiran berlaku dalam kalangan pengusaha serunding kubis melalui penglibatan mereka dalam pemprosesan makanan, pemasaran dan promosi. Selain itu pengetahuan dan kemahiran menggunakan platform digital dalam pemasaran serunding kubis telah mendorong pengusaha untuk mendalami aktiviti platform digital termasuk pemasaran produk melalui media sosial dan ruang niaga digital termasuk *Facebook, Lazada* dan *Shopee* (Rajah 3).



Rajah 3: Produk Serunding Kubis dalam Facebook dan Shopee

Keupayaan politik

Keupayaan politik adalah berkaitan dengan peluang yang diberikan oleh komuniti dalam membuat keputusan untuk sesuatu komuniti, di mana keputusan tersebut boleh mempengaruhi keputusan pihak berkuasa dalam membuat keputusan mengenai polisi dan perancangan pembangunan (Kalsom dan Nor Ashikin, 2006). Walaupun pengusaha wanita yang terlibat dalam penghasilan serunding kubis tidak memegang mana-mana jawatan dalam pentadbiran kerajaan, namun kejayaan mereka sedikit sebanyak telah memberikan pengaruh kepada perancangan pembangunan komuniti khususnya perancangan memajukan wanita dalam skala pihak berkuasa tempatan. Beberapa rancangan untuk mengembangkan pengetahuan menghasilkan dan memasarkan serunding kubis kepada komuniti lain seperti dalam kalangan wanita di Kundasang dan kampung berdekatan seperti Kg. Marakau sedang dirangka sebagai satu daripada rancangan pembangunan komuniti.

Kesimpulan

Keperkasaan komuniti sangat penting sebagai kunci kepada pembangunan komuniti lestari kerana semua ahli komuniti adalah penggerak kepada sesebuah proses pembangunan khususnya dalam mencapai matlamat SDG 2030, di mana tiada pihak yang dibelakangkan dalam mencapai kehidupan sejahtera. Dari aspek pemerikasaan wanita, kajian kes ke atas pengalaman pengusaha rintis wanita yang terlibat dalam penghasilan dan pemasaran serunding kubis mencapai keberkasaan dari aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik boleh dijadikan inspirasi dan contoh kepada komuniti lain secara menyeluruh, khususnya dalam usaha untuk bertahan dan maju semasa menghadapi keadaan di mana ada masalah yang perlu diselesaikan dalam masyarakat.

Inovasi serunding kubis adalah kejayaan wanita bekerjasama dengan pihak universiti dalam menjadikan idea sebagai satu realiti. Ini menunjukkan bahawa wanita mampu mencapai kejayaan dengan ada sokongan bimbingan dan suntikan idea menjadikan mereka lebih kreatif dan bermotivasi. Manakala pewujudan pasaran serunding kubis secara meluas dalam talian dan sebaliknya membuktikan bahawa wanita mampu mencipta perniagaan. Selain daripada itu pasaran ini turut membuktikan wanita memainkan peranan dalam membantu memperbaiki kehidupan komuniti melalui penyediaan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada komuniti yang menghadapi cabaran yang sama berkaitan dengan pengurusan sumber secara lestari. Penglibatan wanita perlu dilihat sebagai penting dalam proses pembangunan komuniti. Walau bagaimanapun, bentuk dan kaedah penglibatan wanita dalam proses pembangunan bergantung kepada situasi yang melibatkan ruang dan masa.

Kajian semasa menunjukkan masih banyak maklumat yang diperlukan untuk mengkaji secara mendalam mengenai penglibatan wanita dalam pembangunan, khususnya semasa menghadapi tekanan seperti pandemik. Pengalaman usahawan wanita perintis dalam menghasilkan produk semasa pandemik ini boleh dijadikan sebagai satu permulaan untuk kajian pada masa akan datang termasuk daya intelektual dan keupayaan wanita dalam pelbagai aspek.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan dana penyelidikan SGI0111-2020 dan dana penyelidikan *Community Development in Sabah: Debate and Challenges* (TLS2104), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, kepada semua pengusaha serunding kubis dan kepada semua ahli penyelidik, pembantu penyelidik informan dan enemurator.

Rujukan

- Ahmad Shukri Abdul Hamud (2015). Konseptualisasi Pembangunan Komuniti melalui Analisis Konsep Struktur Sosial, Teori Modal Sosial dan Perspektif Realisme Kritikal. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 18. 21–40
- Harifah Mohd Noor, Jabil Mapjabil, Adilah Md Ramli, Jurry Foo, Ubong Imang & Rima Abdul Rahman (2020). Resilien Keusahawanan Makanan Tradisi Sebagai Produk Pelancongan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sepanjang Pandemik COVID-19 di Negeri Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 50 – 62. Diakses pada 4/11/2020.
- Jabil Mapjabil, Nor-Ina Kanyo, Abentin Estim, Rosazman Hussin, Datu Razali Datu Eranza, Abdul Hamid Abdul Rahim, Badariah Ab Rahman, Natasya Farhana Nazry & Mohd. Halipah Jetendra (2020). Tahap Pengetahuan Dan Ketersediaan Komuniti Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik COVID-19 Di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya, Sabah. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3 (14), 33 - 51. (20/9/21)
- Jamaliah Jaafar (2020) Penyertaan Wanita Dalam Ekonomi. *Newsletter*. Siri 37. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jurry Foo (2021) Apa Khabar Serunding Kubis. *Sabah Daily News*. <https://sabahdailynews.com/resilience-pengusaha-serunding-menghadapi-pandemik-covid-19/>. (20/9/21)
- Jurry Foo, Atang, C., Md. Shah, J., Kee Yusof, K. S., Mohd Noor, H., Ibrahim, I. S., Omar, M. A. & Yong, P. (2021). Ketahanan Komuniti Menguruskan Sumber Pertanian Dalam Menghadapi Bencana Sosial Semasa Tempoh Pendemik Covid-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(35), 29 - 40. (20/9/21)
- Jurry Foo, Colonius Atang, Jalihah Mohd. Shah, Harifah Mohd. Noor, Kee Sabariah Kee Yusof, Intan Soliha Ibrahim, Mansoor Abdul Hamid, Marja Azlimah Omar & Pauline Yong Pau Lin (2021a). Inovasi Daripada Kearifan Tempatan Semasa Pandemik Covid-19. Kertas kerja. *Prosiding*. Seminar Pengurusan Sumber Berasaskan Komuniti Semasa Pandemik Covid-19. 21 April. Kota Kinabalu, Sabah: FSSK, Universiti Malaysia Sabah. <https://anyflip.com/wsf/ohpp/basic>. (20/9/21)
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd. Nor (2006). Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti : Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah. *Akademika* 67. 77-102.
- Kristy Inus. (2021) Ranau Cabbage Floss Entrepreneur Eyes Market Expansion, Elevation of The Humble Veggie's Image.

- <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/08/10/ranau-cabbage-floss-entrepreneur-eyes-market-expansion-elevation-of-the-humble-veggie039s-image>. (20/9/21)
- Mohd Yusof Hj. Abdullah, Noor Rahamah Abu Bakar, Junaenah Sulehan, Abdul Haie Awang & Ong Puay Liu. (2011). Komunikasi dan Pembangunan Komuniti Peringkat Desa: Berkongsi Pengalaman antara Indonesia dan Malaysia. *Jurnal Melayu*. 227-237.
- Nadia Farhanah Hamzah dan Norasmah Othman (2020) Kemahiran Keusahawanan Dan Kemahiran Kendiri Usahawan Luar Bandar. *Jurnal Dunia Perniagaan*. 2 (4). <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpn/article/view/11560>. (20/9/21)
- Nor Azira Ayob, Sity Daud, Muhamad Takiyuddin Ismail (2016). Faktor Pembentukan Modal Insan Dan Daya Saing Usahawan Wanita Malaysia: Kajian Empirikal Wanita Bumiputera di Melaka. *Geografia*. 12 (5). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. (20/9/21)
- Nur Shalinda Abdul Kadir & Ubong Imang (2021) Pembangunan Ekonomi Luar Bandar Melalui Program Gerakan Desa Wawasan. Dlm. *Pembangunan Komuniti ke Arah Kesejahteraan Hidup*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussien Onn.
- R Badlishah Ahmad & Norshah Aizat Shuaib (2020). SDG Perlu Ambil Kira Semua Lapisan Masyarakat. *Berita Harian*. 11 Nov. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/11/752889/sdg-perlu-ambil-kira-semua-lapisan-masyarakat>. (23/9/2021)
- Sabah Post (2020). Lambakan Sayur Di Kundasang, 300 Peniaga Rugi. *Sabah Post*. 4 April. <https://www.sabahpost.net/2020/04/04/lambakan-sayur-di-kundasang-300-peniaga-rugi/>. (4/11/2020).
- Siti Aidah Lukin @ Lokin, Jabil Mapjabil, Zuraidah Jamrin, Halina Sendera Mohd. Yakin & Suraya Sintang (2020). Tinjauan Literatur Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Kelangsungan Keusahawanan Kraf Tradisional Skala Kecil Dalam Pelancongan Domestik di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 63 – 73. Diakses pada 4/11/2020.
- Suzana Maidan (2020). Peniaga Sayur Kundasang Terjejas Harap Dapat Bantuan. *Berita Harian*, 6 Nov. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/11/750574/peniaga-sayurkundasang-terjejas-harap-dapat-bantuan>. (8/11/2020)
- Yun Mikail. (2020) Lambakan Sayur Di Kundasang. *Harian Metro*. 4 April. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/562487/lambakan-sayur-di-kundasang>. (4 /11/2020).